

04 NOV 1998

KELAB-KELAB UMNO INDONESIA SOKONG TINDAKAN TERHADAP ANWAR

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Kelab-kelab UMNO di Indonesia telah menyatakan sokongan yang jelas dan tidak berbelah-bahagi kepada tindakan kerajaan dan UMNO terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Pengerusi Majlis Hal Ehwal Antarabangsa (MHEA) Pergerakan Pemuda UMNO Hasni Haji Mohammad berkata, sokongan itu dinyatakan pada pertemuan khas antara kelab-kelab itu dengan MHEA di Surabaya pada Ahad lepas.

"Sokongan ini telahpun dijelaskan oleh kelab-kelab UMNO itu dalam bentuk memorandum dan surat khas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pertemuan khas itu diadakan sempena perasmian mesyuarat agung tahunan Kelab UMNO Surabaya oleh Hasni pada hari yang sama.

Hasni yang juga Ketua Pemuda UMNO Johor berkata, kelab-kelab UMNO Indonesia juga telah menawarkan diri untuk memperjelaskan kepada mahasiswa tempatan mengenai gerakan reformasi di Indonesia yang ditolak mereka.

Anwar telah dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept dan dipecat daripada UMNO sehari kemudian. Beliau kemudiannya didakwa terhadap lima tuduhan rasuah dan lima tuduhan melakukan hubungan seks luar tabii, yang semuanya beliau mengaku tidak bersalah.

Sementara itu kenyataan itu berkata Ketua Angkatan Muda Pembaharuan Indonesia (AMPI) Jawa Timur Eidi Budi Prabowo juga telah mengunjungi Hasni di Surabaya.

Dalam perbincangan mereka kedua-dua pihak bersetuju antara lainnya untuk mengadakan dialog kerjasama ekonomi antara usahawan muda Johor dan Jawa Timur.

Kerjasama itu akan dimulakan dengan ekspo dan pameran produk usahawan muda Jawa Timur di Johor Baharu. Tarikh bagi majlis-majlis itu belum ditetapkan.

-- BERNAMA

AFY NMO